



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

---

# **ARAHAN KETUA PENGARAH KEBAJIKAN MASYARAKAT BILANGAN 1 TAHUN 2025 KADAR KERAJIAN RASMI KERAJAAN**

## **JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT**

## LATAR BELAKANG

1. Kementerian Kewangan (MOF) telah membuat pindaan ke atas 1PP/WP5.1 – Peraturan Mengenai Keraian Rasmi yang telah berkuatkuasa pada 1 Jun 2017.
2. Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP5.1, - Peraturan Mengenai Keraian Rasmi, perkara 4.1. “Perbelanjaan maksimum bagi aktiviti / program seperti di para 3 adalah ditetapkan pada kadar RM123.00 seorang untuk sehari.
3. Bayaran perkhidmatan, cukai Kerajaan dan bayaran-bayaran lain yang diwajibkan kerana mengadakan jamuan berkenaan adalah layak dituntut sebagai bayaran tambahan”. Walau bagaimanapun, Arahan Pegawai Pengawal Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) Bilangan 2 Tahun 2017 – Kadar Keraian Rasmi Kerajaan menetapkan kadar keraian rasmi berjumlah RM90.00 seorang sehari sebagai langkah penjimatan dan kawalan dalaman.
4. Dalam perkara ini, Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) JKM Bilangan 1 Tahun 2025 pada 10 April 2025 telah mengarahkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) membuat perbandingan kadar dengan beberapa Kementerian/Jabatan lain iaitu Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan Tinggi serta Jabatan Perkhidmatan Awam. Hasil perbandingan mendapati kadar makan dan minum keraian JKM adalah terendah serta tidak lagi relevan mengambil kira keperluan dan kenaikan harga barang semasa.

**KADAR KERAJIAN RASMI KERAJAAN****A. Mesyuarat**

- i. Pengerusi - Yang Berhormat Menteri/ Yang Berhormat Timbalan Menteri/ Ketua Setiausaha Kementerian/ Timbalan Ketua Setiausaha/ Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

| <b>PERIHAL</b>            | <b>KADAR MAKSIMUM<br/>SEORANG/ SEHARI (RM)</b> |
|---------------------------|------------------------------------------------|
| Minum pagi/ Jamuan Ringan | 10.00                                          |
| Makan Tengahari           | 30.00                                          |
| Minum Petang              | 10.00                                          |
| Makan Malam               | 40.00                                          |
| <b>Jumlah</b>             | <b>90.00</b>                                   |

- ii. Pengerusi - Timbalan Ketua Pengarah dan ke bawah

| <b>PERIHAL</b>            | <b>KADAR MAKSIMUM<br/>SEORANG/ SEHARI<br/>(RM)</b> |
|---------------------------|----------------------------------------------------|
| Minum pagi/ Jamuan Ringan | 10.00                                              |
| Makan Tengahari           | 30.00                                              |
| Minum Petang              | 10.00                                              |
| <b>Jumlah</b>             | <b>50.00</b>                                       |

**B. Bengkel/ Kursus / Seminar/ Konvensyen dan Majlis Rasm (Selain Pakej)**

- i. Perasmian/ Penutupan oleh Yang Berhormat Menteri/ Yang Berhormat Timbalan Menteri/ Ketua Setiausaha Kementerian/Timbalan Ketua Setiausaha/Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

| <b>PERIHAL</b>            | <b>KADAR MAKSIMUM SEORANG/ SEHARI (RM)</b> |
|---------------------------|--------------------------------------------|
| Minum pagi/ Jamuan Ringan | 10.00                                      |
| Makan Tengahari           | 30.00                                      |
| Minum Petang              | 10.00                                      |
| Makan Malam               | 40.00                                      |
| <b>Jumlah</b>             | <b>90.00</b>                               |

- ii. Perasmian/ Penutupan oleh Timbalan Ketua Pengarah dan ke bawah

| <b>PERIHAL</b>            | <b>KADAR MAKSIMUM SEORANG/ SEHARI (RM)</b> |
|---------------------------|--------------------------------------------|
| Minum pagi/ Jamuan Ringan | 10.00                                      |
| Makan Tengahari           | 30.00                                      |
| Minum Petang              | 10.00                                      |
| <b>Jumlah</b>             | <b>50.00</b>                               |

- C. Sekiranya terdapat keperluan untuk menyediakan makan malam bagi Mesyuarat /Majlis/ Bengkel/ Kursus/ Seminar/ Konvensyen dan Keraian Rasmi yang dipegerusikan/ dirasmikan oleh Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah serta lain-lain Pegawai, kadar yang ditetapkan adalah seperti berikut:

| <b>PENGERUSI</b>                     | <b>KADAR MAKSIMUM SEORANG/ SEHARI (RM)</b> |
|--------------------------------------|--------------------------------------------|
| Timbalan Ketua Pengarah dan Pengarah | 25.00                                      |
| Lain-lain Pegawai                    | 20.00                                      |

- D. Penggunaan kadar di atas adalah tertakluk kepada peruntukan sedia ada Jabatan/Agensi yang mencukupi.

## PEMAKAIAN DAN KUAT KUASA

5. Arahan ini hendaklah dibaca bersama dengan semua pekeliling/peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
6. Arahan ini terpakai ke atas **semua Pegawai /Kakitangan** Ibu Pejabat Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri/ Wilayah Persekutuan /Pejabat Kebajikan Masyarakat Cawangan/Daerah/Bahagian/Jajahan dan Institusi.
7. Arahan ini berkuat **kuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan.**

## PEMBATALAN

8. Arahan Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat Bilangan 2 Tahun 2020 Kadar Keraian Rasmi Kerajaan adalah dibatalkan.

.....  
(DATUK CHE MURAD SAYANG BIN RAMJAN)

Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

Tarikh : *24* Julai 2025

Disediakan oleh:  
Bahagian Pengurusan  
Jabatan Kebajikan Masyarakat